



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KP/KUPSM/027
Tarikh : 06 Mei 2026

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 7 TAHUN 2026

PELAKSANAAN PEMAKAIAN BAJU BATIK DAN BAJU KORPORAT LGM

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Bil 6/2026 telah meluluskan pelaksanaan pemakaian baju batik dan baju korporat LGM seperti berikut:

Bil	Perkara	Jenis Pakaian Rasmi	Tatacara Pemakaian
1.	Pakaian Pegawai dan Pehidmat Lelaki Ketika Menjalankan Tugas	1. Baju kemeja batik Malaysia berlengan panjang atau berlengan pendek. 2. Baju kemeja batik rasmi LGM.	1. Diwajibkan dipakai pada setiap hari Khamis kecuali jika terdapat urusan/ keperluan yang membolehkan pakaian lain digunakan. 2. Digalakkan dipakai pada hari bekerja yang lain.
2.	Pakaian Pegawai dan Pehidmat Wanita Ketika Menjalankan Tugas	1. Baju Kurung Batik Malaysia atau Batik Rasmi LGM. 2. Baju kurung tradisional/ kurung moden/ kebaya/ blaus batik dipadankan dengan skirt labuh/ seluar polos. 3. Blaus polos dipadankan dengan skirt labuh batik.	1. Diwajibkan dipakai pada setiap hari Khamis kecuali jika terdapat urusan/ keperluan yang membolehkan pakaian lain digunakan. 2. Digalakkan dipakai pada hari bekerja yang lain.
3.	Pakaian Lain	1. Baju Korporat LGM	1. Pegawai dan pehidmat diwajibkan memakai Baju Korporat LGM pada setiap hari Isnin dan/atau semasa program/tugasan rasmi di luar LGM. 2. Dibenarkan memakai Baju Korporat LGM pada setiap hari bekerja kecuali hari Khamis.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Garis Panduan Etiket Pakaian Dan Penampilan Pegawai dan Pekhidmat Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang telah dikemaskini **berkuat kuasa mulai 21 April 2026** untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(EMILIA BINTI KASSIM)